

04/06/1999

Pembangkok terpaksa urus perbezaan

KUALA LUMPUR, Khamis - Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata cabaran yang dihadapi pembangkang pada pilihan raya umum akan datang ialah kemampuan mereka menguruskan perbezaan yang wujud di antara satu sama lain.

Menurutnya, kemampuan parti pembangkang menguruskan perbezaan itu penting bagi memastikan matlamat untuk memecahkan perpaduan di dalam Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ini tercapai.

Beliau berkata, perbezaan utama yang wujud di kalangan parti pembangkang kini ialah mengenai penubuhan sebuah negara Islam dan matlamat pada pilihan raya umum akan datang ini sama ada untuk menafikan majoriti dua pertiga BN atau menjatuhkannya.

Bagaimanapun, katanya, perbezaan itu tidak seharusnya menjadi penghalang.

Lim berkata, ini kerana perjanjian yang sudah pun tercapai di antara DAP, Pas, KeADILan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) untuk bergabung di bawah satu matlamat bersama bagi mengekalkan keadilan, kebebasan, demokrasi dan kawal selia terbaik, seharusnya mengukuhkan kerjasama mereka pada pilihan raya umum akan datang bagi memastikan pertandingan satu sama satu menentang BN.

"Tetapi persoalan yang harus diputuskan kini ialah mengenai bentuk kerjasama pembangkang itu, sama ada dalam bentuk sebuah kesatuan pembangkang, persefahaman pilihan raya atau gabungan kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo semalam bahawa salah satu sebab mengapa kini adalah masa yang baik untuk mengadakan pilihan raya ialah kerana persefahaman di antara parti pembangkang tidak begitu baik.

Lim berkata, bagi tujuan itu parti pembangkang perlu mengenenpikan perbezaan mengenai apa yang seharusnya menjadi matlamat bersama pada pilihan raya umum akan datang dan memutuskan bentuk sebenar kerjasama di kalangan mereka.

(END)